

INILAH MEKAH !

Bersempena dengan menyambut Hari Raya Korban yang di dalamnya berhimpun kaum Muslimin dari seluruh dunia menuntut keredhaan Allah menunaikan fardhu haji di Mekah maka di bawah ini kita siarkan pemandangan dan perhatian atas tanah suci itu yang mudah-mudahan ada manfaatnya kepada pembaca-pembaca.

-----*-----*-----

Mekah al-Mukarramah ialah Tanah Suci yang mengandungi bait Allah "al-Masjidil haram" di sana lahirnya Rasulullah dan di sana juga pencaran wahyu. Oleh itu maka terikatlah perhubungan yang erat di antaranya dengan seluruh umat Islam di dunia ini.

Allah Subhanahu wa Taala di dalam kitab sucinya telah menerangkan kelebihan Mekah dengan firman-Nya yang bermaksud: "Bahawasanya rumah yang mula-mula sekali terdiri di dunia ini untuk manusia beribadah ialah al-Masjid al-Haram yang di Mekah, yang diberkati Allah dan menjadi petunjuk bagi seisi alam.


"Di sana ada beberapa tanda-tanda yang nyata, di antaranya ialah makam Ibrahim. Barangsiapa masuk al-Masjidil Haram (Mekah) nescaya mendapat aman sentosa. Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji iaitu orang yang berkuasa berjalan kepadanya. Berangsiapa yang ingkar (di dalam masa dia berkeadaan mampu dan banyak wang ringgitnya tetapi sengaja berbuat dalih) maka sesungguhnya Allah Subhanahu wa Taala Maha Kaya daripada sekalian isi alam" (ayat-ayat 95-196 al-Imran). Sekarang dengarlah junjungan kita menggambarkan perasaan hatinya terhadap Mekah tanah suci itu, sabdanya:

"wallahi innaka la'ahabba al-baq'a'i ilallahi wa lawla 'anni akhrajtu minka ma kharajtu" (Demi Allah, bahawasanya engkau wahai Mekah adalah sekasih-kasih bumi kepada Allah, jika tidaklah aku telah terpaksa keluar daripadamu nescaya tidaklah aku keluar meninggalkanmu).

MEKAH ZAMAN SEKARANG

Mekah pada masa ini adalah menjadi sebesar-besar bandar di dalam negara Hijaz bahkan di dalam seluruh kerajaan Saudi Arabia iaitu mempunyai penduduk kira-kira setengah million jiwa, tidak masuk orang-orang haji pada musim haji.

Mekah sekarang sudah lebih jauh majunya daripada Mekah dua puluh tahun dahulu. Banyak perubahan-perubahan yang berkebalikan kepada penduduk-penduduk terutama kepada orang-orang haji telah diadakan. Segala-galanya yang menjadi keperluan hidup boleh didapati di sana dengan mudahnya dengan harga yang sesuai dan tidak memberati.



Lelaki perempuan yang menunaikan fardhu haji dan tiba di Tanah Haram telah tawaf mengelilingi Kaabah yang menjadi kiblat Islam sedunia.

AL-MASJID AL-HARAM

Khalifah-khalifah Islam tidak putus-putusnya daripada membesarkan dan memperbaiki Masjid al-Haram sehinggalah tiba tahun Hijrah 979 kerana pada masa itu as-Sultan Salim yang kedua (Raja Turki) telah membaharukannya menurut keadaan yang ada sekarang ini.

KANDUNGAN AL-MASJID AL-HARAM

(1) Al-Kaabah

Terletak di tengah-tengah masjid itu, bentuknya empat persegi dan tingginya kira-kira 40 kaki. Pintunya terletak di temboknya yang di sebelah timur.

Di penjuru Kaabah yang di sebelah Timur terlekat "al-Hajar al-aswad" iaitu batu yang bujur betuknya, dan hitam kemerah-merahan rupanya dan berbingkai dengan satu bingkai perak. Orang-orang yang tawaf dikehendaki mengucup akan dia pada ketujuh-tujuh kali pusingan (kalau boleh), jika tidak, kerana banyak orang berjejal-jejal - maka hendaklah orang yang tawaf itu melakukannya dengan isyarat iaitu dengan mengangkat tangan ke arahnya.


Kelambu Kaabah (Al-Kiswah) terbuat daripada kain sutera hitam yang tebal dan dihiasai dengan ayat-ayat Quran iaitu tertulis dengan benang emas.

Kelambu ini dihadiahkan oleh Kerajaan Mesir pada saban tahun, belanja memberbuatnya berpuluh-puluh ribu pound. Pada tiap-tiap pagi Hari Raya Haji (Aidil Adha) al-Kaabah dicuci dalamnya dengan air mawar dan dikenakan kelambu baharunya.

(2) Al-Hatim: satu tembok melingkungi jaraknya

dari Kaabah kira-kira 6 kaki dan tingginya 3 kaki.

Letaknya di utara Kaabah



Tiap-tiap seorang bersusah-payah dan berkorban semata-mata menuntut keredhaan Allah atas dirinya. Itulah ibadah yang semulia-mulianya.

-----*-----*

(3) Hajar Ismail: satu lapangan luasnya 6 kaki

terletak di antara al-Kaabah dan al-Hatim.

(4) Makam Ibrahim: Satu tempat berkubah, di dalam kawasannya

yang berkepung terletak sebuah batu tempat Saidina Ibrahim berdiri di atasnya tatkala yang mulia itu membina Kaabah bersama-sama dengan anakandanya Saidina Ismail dahulu. Tinggi batu itu tiga jengkal dan lebarnya dua jengkal, bekas kedua-dua kaki Saidina Ibrahim serta jarinya sekali adalah terang nyata kelihatan pada batu itu. Inilah satu daripada bekas-bekas Islam yang besar yang telah dipelihara oleh Allah bagi kita berabad-abad datang sekarang ini.

(5) Al-Mutaf :

Halaman yang terbentang di sekeliling Kaabah menjadi tempat tawaf. Terkenal dengan nama “al-Sahan” tempat ini terhampar dengan batu-batu marmar dan di kelilingi oleh 38 tiang tembaga yang dihiasi dengan lampu-lampu elektrik.

(6) al-Ma’jan

Bekas tempat Saidina Jibril sembahyang bermakmumkan Rasulullah tatkala sembahyang baru-baru difardhukan. Dan pada tempat itu juga diriwayatkan Saidina Ismail telah membancuh tanah atau kapur yang telah digunakan oleh Saidina Ibrahim pada ketika membina Kaabah dahulu.

(7) al-Multazam

Letaknya di antara pintu Kaabah dan Hajarul Aswad iaitu tempat orang ramai memegang akan dia pada ketika mereka berdoa ke hadrat Illahi. Kelebihan tempat itu



Telaga zamzam—air itu tidak asing lagi kepada kita dan di dalam gambar ini menunjukkan bahawa air itu sedang dibahagikan oleh Sheikh Zamzam.

telah dibentangkan oleh Rasulullah sabdanya: “ma da’a ahadun bi shay’in fi hadha al-multazam illa ‘astajibu lahu”. Maksudnya: “tidak seseorang berada dengan sesuatu permintaan di tempat al-Multazam ini melainkan doanya itu diperkenankan (makbul)”.

(8) Air Zamzam: iaitu telaga Zamzam. Letaknya tidak

jauh dari Kaabah. Dari segi alam perubatan (kedokteran) air Zamzam ini telah diuji dan telah didapati banyak mengandungi zat-zat yang berguna bagi tubuh manusia. Manakala dari segi agama Rasulullah telah memujinya: “*khayru ma’ala wajhi al-ard ma’u zamzam*”. - sebaik-baik air di atas muka bumi ialah air Zamzam”.

(9) al-Minbar: mimbar Masjidil Haram ini terbuat daripada

batu marmar yang berkilat dan putih melepak, anak tangganya berjumlah tiga belas. Atapnya daripada papan bersalut dengan keping-keping perak dan bercelup dengan emas. Luncus ke atas seakan bentuk menara rupanya tingginya dari lantai masjid kira-kira 30 kaki. Dan tarikh terbuat ialah dengan perintah Al-Sultan Sulaiman Khan (Raja Turki) pada tahun Hijrah 966.

(10) Bab Bani Shibah: Satu pintu gerbang terletak

bertentangan dengan makam Ibrahim. Sentiasa dilalui oleh Rasulullah pada ketika masuk dan keluar dahulu. Pernah juga pintu ini terkenal dengan nama Bab Islam.

-----*-----*

AL-MAS ‘I

Apabila tersebut tawaf maka tersebutlah Sa’i—kerana kedua-duanya ialah sebahagian daripada ibadah Haji yang tidak boleh ditinggalkan letaknya di utara kawasan Masjidil Haram iaitu di antara tempat-tempat yang bernama al-Safa dan al-Marwah. Tempat Sa’i ini ialah sebatang jalan – panjangnya kira-kira

400 ela dan mesti berulang-alik di sini

sebanyak 7 kali dengan berlari-lari anak.

Orang-orang yang uzur kerana tua, hendaklah diusung nisbah Sa'i mesti Sa'i.

-----*-----*

ARAFAH

Ialah Padang Arafah jauhnya dari Mekah

kira-kira 15 batu. Pada saban musim Haji iaitu

pada hari yang kesembilan daripada bulan Zulhijjah

kira-kira 300,000 umat Islam berkumpul di sini

dengan pakaian yang seragam (dua keping kain

putih yang tidak berjahit). Masing-masing berdiri

dengan khusyuk bertaubat dan memohon keampunan

Illahi. Raja rakyat, kaya miskin pada hari

itu semuanya sejajar – sebagai simbol

demokrasi Islam yang tulen. Di sini terletak Bukit

“Jabal al-Rahmah” dikenali juga dengan nama “Jabal

Arafah” (Bukit Perkenalan) kerana di bukit inilah moyang

Adam dan Hawa telah bertemu semula setelah keduanya

keluar dari dalam syurga dahulu.


MUZDALIFAH

Tempat ini juga dinamakan “*al-Mashi'ir al-Haram*”

letaknya di antara Mina dengan Arafah ini dikehendaki

orang-orang haji memungut batu-batu kecil untuk merejam jamrah

di Mina kelak.



Inilah suatu tempat perhentian di dalam suatu perjalanan antara Jeddah dan Mekah. Tempat perhentian ini dipercayai akan diatur dengan baiknya pada masa yang akan datang

MINA

Letaknya di antara Mekah dan Muzdalifah. Banyak rumah-rumah batu terdiri di sini, di sini juga terletak “Masjid al-Khif” sebuah masjid yang pernah Rasulullah (SAW) sembahyang di dalamnya.

Di Mina inilah orang-orang haji berhari Raya Haji (Aidil Adha) dan berkorban. Mereka akan tinggal di sini selama tiga hari dan di dalam masa ini dikehendaki mereka melontar “Jamrah” di tiga buah tempat. Melontar atau merejam ini telah itfak keempat-empat mazhab atas wajibnya. Punca terbitnya ialah kera pada ketiga-tiga tempat ini Saidina Ismail telah mendengar suara Iblis menghasutnya supaya jangan menurut kehendak ayahandanya yang hendak dijadikannya korban. Maka pada ketika itu Saidina Ibrahim telah menyuruh anakandanya Saidina Ismail merejam ke tempat-tempat itu dengan batu.